



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM

PROGRAM TOLERANSI SIFAR KEGANASAN LANGKAWI

LOKASI / TARIKH / MASA

**RESORTS WORLD HOTEL
24 NOVEMBER 2025 (ISNIN)
11.00 PAGI**

Kemas kini 14 November 2025

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam
Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, pagi ini kita dapat berkumpul dalam Program *Toleransi Sifar Keganasan* di Langkawi. Melihat kehadiran penjawat awam, pelajar, guru, komuniti setempat, dan rakan-rakan Rakan Strategik menunjukkan satu perkara: **kita semua mahukan masyarakat yang lebih selamat, lebih beradab, dan lebih bermaruah.**

2. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada **Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)** atas kerjasama padu dalam menjayakan program ini. Kehadiran kita di Langkawi untuk melancarkan program dan juga untuk **menyantuni masyarakat akar umbi** — wanita di kampung, ibu tunggal, dan mereka yang memerlukan sokongan.

3. Langkawi juga merupakan pintu masuk pelancong antarabangsa. **Keselamatan wanita bukan sahaja isu sosial; ia penentu imej negara.** Kita mahu pelancong datang dan merasakan bahawa Malaysia — khususnya Langkawi — adalah destinasi yang selamat dan harmoni selari dengan Tahun Melawat Malaysia 2026.

4. Hari ini, kita memberi tumpuan kepada isu keganasan terhadap wanita, terutamanya gangguan seksual. Jangan sekali-kali anggap perkara ini kecil. **Satu kata-kata yang merendahkan, satu sentuhan yang tidak sepatutnya — boleh membawa trauma seumur hidup.**

AKTA ANTIGANGGUAN SEKSUAL & TRIBUNAL (TAGS)

Para hadirin yang dihormati sekalian,

5. Sebagai langkah menangani isu ini, Kerajaan telah menggubal **Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840]** yang berkuat kuasa mulai 8 Mac 2024. Akta ini menyediakan garis panduan jelas tentang pencegahan, tindakan dan perlindungan mangsa.

6. KPWKM juga telah menubuhkan **Tribunal Antigangguan Seksual (TAGS)** — satu saluran cepat, mudah dan mampu diakses mangsa. Sehingga 18 September 2025, **63 aduan** telah difailkan dan **44 kes** telah berjaya diselesaikan
7. Ini membuktikan bahawa tribunal berfungsi dengan berkesan dalam menegakkan keadilan serta membela hak mangsa.

TIADA RUANG UNTUK BERTOLAK ANSUR

Para hadirin yang dihormati sekalian,

8. Gangguan seksual tidak boleh dianggap sebagai suatu gurauan. Apa yang nampak kecil, seperti kata-kata atau sentuhan yang tidak sesuai, boleh menjadi permulaan kepada jenayah yang lebih berat. Kita tidak boleh biarkan budaya ini berakar dalam kalangan masyarakat kini.

9. Statistik PDRM jelas menunjukkan peningkatan yang membimbangkan. Pada **tahun 2022, sebanyak 477 kes gangguan seksual telah direkodkan. Jumlah ini meningkat kepada 522 kes pada tahun 2023 dan melonjak lagi kepada 788 kes pada tahun 2024. Malah, sehingga Oktober 2025 sahaja, terdapat sebanyak 872 kes dilaporkan.**

10. Angka-angka ini menimbulkan kegusaran dalam kalangan komuniti. Namun, pada masa yang sama, ia menunjukkan masyarakat kini semakin berani untuk tampil membuat laporan. Kesedaran ini adalah hasil daripada advokasi, pendidikan, dan keberanian mangsa yang memilih untuk bersuara.

KEMPEN HENTIKAN KEGANASAN TERHADAP WANITA (*END VIOLENCE AGAINST WOMEN, EVAW*)

Para hadirin yang dihormati sekalian,

11. Sejak tahun 2000, 25 November telah diiktiraf sebagai Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita melalui resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). KPWKMM melalui JPW melaksanakan **Kempen EVAW (Elimination of Violence Against Women)** secara menyeluruh di seluruh negara.

12. Kita tidak boleh memejamkan mata dan memekakkan telinga apabila berhadapan dengan realiti keganasan yang terhadap wanita. **Kes rogol dilaporkan sebanyak 1,899 pada 2024, dan 1,571 pada tahun 2025 (sehingga Oktober). Sementara itu, kes keganasan rumah tangga mencecah 7,116 pada 2024, dan 6,245 dilaporkan sehingga Oktober tahun ini.** Ini bukan sekadar angka. Ini kisah hidup. Kisah adik-adik, ibu-ibu, isteri-isteri — yang memerlukan kita semua.

13. Kempen EVAW bukan hanya menghentikan keganasan; ia membina **komuniti yang lebih berperikemanusiaan**, lebih prihatin, dan lebih sedar tentang tanggungjawab bersama.

PENUTUP

14. Akhir kata, saya ingin menyeru semua yang hadir: **kita mesti berkata TIDAK kepada gangguan seksual. TIDAK kepada keganasan terhadap wanita.**

15. Marilah kita membina masyarakat yang selamat, penyayang, dan saling menghormati. Keselamatan wanita bukan hanya agenda kementerian kami. Ianya adalah agenda seluruh negara.

Dengan lafaz *Bismillahir Rahmanir Rahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan Program Toleransi Sifar Keganasan Langkawi pada hari ini.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat

24 November 2025